


# conference proceeding



Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



## KEARIFAN PEMIKIRAN CENDIKIAWAN TEMPATAN DALAM REKABENTUK DALAMAN MASJID TRADISONAL

Azizul Azli Ahmad<sup>a</sup>, Aizan Hj Ali @ Mat Zin<sup>b</sup>, Ezrin Arbi<sup>c</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

<sup>b</sup>Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Malaysia

<sup>c</sup>Faculty of Built Environment, Universiti Malaya, Malaysia

azizulazli@gmail.com, aizan@um.edu.my, ezrin\_fab@um.edu.my

### Abstrak

Kedatangan Islam di Nusantara telah mewarnai seni dan seni bina yang terdapat di Alam Melayu, khususnya di Semenanjung . Usaha cendekiawan tempatan mentafsirkan kefahaman budaya berdasarkan syariat Islam turut memperkaya seni bina Islam. Seni bina masjid yang wujud di Alam Melayu sejak daripada awalnya mempunyai gaya rupanya yang tersendiri. Kefahaman budaya dan pengertian *ur'f* dalam masyarakat Melayu pernah berjaya melahirkan satu pemikiran seni bina yang mempunyai jatidiri setempat. Bukan sahaja gaya seni binanya yang khusus, rekabentuk dalaman masjidnya pun direka berdasarkan kreativiti kearifan cendekiawan tempatan, termasuklah komponen-komponennya seperti mihrab, mimbar, tiang seri, serambi, ruang solat, dinding, lantai, siling dan bukaan yang merupakan unsur penting dalam pembentukan ruang dalaman sesebuah masjid. Kertas ini membincangkan hasil kajian mengenai keistimewaan Masjid Kampung Tuan, Kemaman sebuah masjid tradisional yang dibina pada tahun 1830. Ruang dalamannya tidak mempunyai sebarang tiang sokongan, tidak juga tiang seri, seperti masjid-masjid lain di Nusantara. Penyelesaian rentangan tanpa tiang-tiang perantara merupakan hasil pemikiran rekabentuk yang amat maju kerana ruang solat tanpa tiang boleh dimanfaatkan semaksimum mungkin dan segi saf dan pandangan ke arah mihrab dan mimbar. Di era moden, pemikiran seumpama mi juga berkembang di Indonesia pada awal tahun 1960-an.

**Kata Kunci:** Pemikiran , Seni bina dan Rekabentuk Dalam

### 1.Masjid Dalam Pengertian Seni bina

Pembentukkan dan rekabentuk masjid akan berkaitan dengan aspek falsafah, budaya masyarakat, keperluan, iklim dan teknologi setempat. Kajian yang bersifat deskriptif ini cuba mengkaji peninggalan atau artifak yang jelas terdapat pada masjid-masjid bagi mengungkap pemikiran silam dalam proses rekabentuk sesebuah bangunan masjid.

*Masjid*, bermaksud tempat untuk melakukan aktiviti sujud, iaitu tempat umat Islam melakukan sembahyang atau menyerahkan diri kepada Allah SWT. Dalam erti kata lain merujuk kepada sebuah bangunan untuk melakukan solat baik secara berjemaah ataupun tidak berjemaah . Bagi melakukan ibadah secara berjemaah, maka lahirlah pengertian bangunan untuk melakukan solat jemaah dalam sebuah masjid sehingga muncul istilah *masjid jami* (masjid untuk melakukan sembahyang berjamaah). Dapat pula diberi pengertian bahawa yang dimaksud dengan *masjid* adalah bangunan yang didirikan oleh umat Islam untuk melakukan sembahyang Juma'at selain sembahyang *rawatib* (wajib lima waktu) secara berjemaah. Lebih luas lagi masjid sebagai suatu bangunan yang berfungsi bagi menampung segala kegiatan pelaksanaan ajaran Islam. Sebagaimana yang tersurat dalam *Al-Quran* , Surat 72 Al-Jin : ayat 18 , menyatakan bahawa bangunan Masjid merupakan *Baitullah* iaitu sebagai *Rumah Allah*. Jika dirujuk pada *Dictionary Of Architecture*, masjid merupakan sebuah ruang yang bersegi empat terbuka, tempat suci bagi umat Islam dan menghadap kearah kiblat. Dahulunya merupakan rumah bagi Nabi Muhammad S.A.W. Masjid merupakan salah satu monumen penting dalam tamadun Islam, masjid dilihat sebagai simbol kehadiran Islam disesbuah kawasan tersebut. Dengan hadirnya masjid masyarakat boleh memahami dan beranggapan bahawa komuniti masyarakat Islam telah mula wujud serta berkembang disesbuah kawasan tersebut. Perkataan *Masjid*, berasal dari bahasa Arab tetapi kerana perubahan ucapan dalam bahasa daerah di Alam Melayu. Perubahan dalam pengucapan ini tidak mengalami perubahan makna tetapi terjadi akibat faktor bahasa setempat menjadi masjid.

## Masjid Sebagai Ekspresi Budaya

Peradaban manusia menurut Islam pertama sekali perlu berdasarkan pemahaman yang jelas terhadap alam semesta dan keesaan Allah yang bertanggunjawab terdapat kejadian dan kewujudannya.

*Givilization, in islam, in the first place, is based upon clear Vision of the world and Deity which is Responsible for its creation and existence.*

(Faisal haji Othman, 1976)

William Hunt (1952) mengatakan:

*“A Malay one who is a Muslim, who habitually speaks Malay, who practices Malay Adat, and who fulfills certain residence requirement”*

Melayu dikaitkan dengan adat manakala adat Melayu adalah bersandarkan kepada Al Qur'an dan Sunnah Rasulullah sebagaimana terangkan di dalam pepatah Melayu “*Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan Kitabullah*”.

Maka, pembinaan Masjid Melayu tradisional merupakan manifestasi kebijaksanaan akal Melayu kerana ia adalah medium luahan dan ekspresi tukang Melayu terhadap penciptanya, ini berketerkaitan sebagaimana yang wujud di dalam medium kebudayaan yang lain seperti pantun, gurindam, syair, pakaian dan lain-lain.

Peranan Islam di dalam mencorakkan Sosio-budaya masyarakat Melayu amatlah penting. Aziz Deraman<sup>1</sup> menjelaskan bahawa Islam adalah jiwa dan berperanan membantu keperibadian, pertumbuhan dan perkembangan kebudayaan Melayu. Penjiwaan Islam terhadap kebudayaan dan kehidupan Melayu telah mempengaruhi pemikiran dan perlakuan serta apa-apa kepunyaan tamadun Melayu<sup>2</sup>. Penjiwaan Islammi turut memberi ruang kepada masyarakat Melayu di dalam memberi pengertian terhadap seni bina mereka seperti penafsiran terhadap perlembagaan Syariah, Tarikat, Hakikat dan Makrifat dan sudut tingkatan pembinaan<sup>3</sup>.

Di dalam kebudayaan Islam, unsur-unsur yang diperolehi dari kebudayaan-kebudayaan lain bukanlah sekadar peniruan dan pengulangan membuta tuli tetapi dikembangkan dan diberi bentuk pengislaman padanya<sup>4</sup>. Proses pengislaman seni bina ini berlaku secara semulajadi tanpa berlaku penolakan keras. Motif-motif dan tafsiran animism dan Hindu di beri nafas baru dengan tafsiran dan makna yang baru. Tenas Affendi seorang budayawan Melayu mengatakan proses pengislaman kebudayaan Melayu dibuat secara halus, terpuji dan berhati-hati dimana ia “meluruskan yang salah” dan “mengambil yang serasi”.

Secara dasarnya perkembangan kebudayaan di Alam Melayu adalah selari dengan ini terutamanya seni bina ialah perkembangan ilmu Islam. Ilmu-ilmu Islam ini dikembangkan melalui secara lisan (pantun, gurindam, syair), penulisan-penulisan (undang-undang Melaka, Pahang, Kedah, Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak) dan kitab-kitab yang karangan ulamak-ulamak Nusantara<sup>5</sup>. Perkembangan ilmu ini adalah sejarah dengan perkembangan akal dan bahasa dimana mengangkat martabat manusia kepada peringkat yang lebih tinggi melebihi dari malaikat<sup>6</sup>. Penulisan dan ilmu secara lisan ini telah diwarisi dan dijadikan pedoman menyelesaikan permasalahan yang wujud didalam kehidupan harian masyarakat Melayu.

## Adat dan ‘Urf

Oleh kerana masjid Melayu merupakan ekspresi kebudayaan Melayu, maka adat Melayu mempengaruhi pembinaan masjid Melayu tradisional. Adat secara tradisi di tafsirkan sebagai satu cara hidup (*the way of life*)

<sup>1</sup> Aziz Deraman 1976. *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, h.33

<sup>2</sup> Aziz Deraman 1976. *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, p.33

<sup>3</sup> Ibid, h. 34-35

<sup>4</sup> S.Takdir (1976) *Islam dan Kebudayaan Melayu*, Kertas-kertas kerja seminar Kebudayaan 25-28 Julai, 1976. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Malaysia

<sup>5</sup> Ibid, h. 56

<sup>6</sup> Ibid, h.57

suatu masyarakat<sup>7</sup>. Oleh itu, pembinaan masjid Melayu cuba untuk menepati peraturan-peraturan yang telah ditetapkan ini selari dengan kehendak agama Islam. Istilah adat bukan sahaja meliputi kehidupan orang Melayu malah mempengaruhi pemikiran mereka mengalami proses perkembangan yang dinamik dalam pemikiran orang Melayu. Pada peringkat awalnya, istilah adat sinonim dengan istilah kebudayaan. Adat menurut Abdullah<sup>8</sup> berasal dan perkataan ‘al-aud’ atau ‘al-mu ‘awadah’ yang bererti ulangan perbuatan hingga menjadi mudah dan menjadi tabiat<sup>9</sup>.

Perkaitan adat dan Islam juga dinyatakan di dalam buku Sejarah Melayu

*“Maka sembah Menteri Jana Putera,: “Tuanku, akan adat kami Islam....”*

Dan perspektif sejarah terdapat perkaitan diantara ‘urf adat dan sistem nilai (*value system*) dengan adat resam (adat istiadat dan kepercayaan). Ketiga-tiganya diwarisi secara turun temurun, dan generasi ke generasi. Ia adalah peraturan dan undang-undang yang tidak bertulis yang telah diterimakan sebagai suatu ajaran dan ikutan<sup>10</sup> ‘Urf terbahagi kepada dua iaitu ‘urf sahib (benar) dan ‘urf fasid (rosak). Maka ‘urf boleh diterima pakai selagi ia tidak bertentangan dengan kehendak syarak. ‘Urf adalah adat tetapi bukan semua adat adalah ‘urf. ‘Urf berasal dan perkataan Arab berinaksud ‘arafa (mengetahui). Manakala ‘urf bermaksud diketahui. Syariat Islam memelihara ‘urf manusia dengan syarat tidak berlaku kerosakan dan tidak hilang kepentingan (maslahah) kehidupan<sup>11</sup>.

Rekabentuk masjid tradisi dan ruang dalaman, walau sebelumnya dikaitkan dengan pengaruh agama sebelumnya. Tetapi apabila kedatangan Islam, Islam telah menetapkan panduan serta tidak membuang kebudayaan yang berkembang sebelumnya. Masjid-masjid tradisi semenanjung dilihat lebih sederhana berbanding wilayah Alam Melayu lainnya. Ruang dalaman masjid Melayu tradisi dilihat sangat sederhana sebagaimana keadaan rumah melayu. Unsur kebudayaan sebelum Islam serta motif yang hadir hampir tidak ditemukan pada ruang dan komponen dalaman masjid-masjid Melayu. Lebih menarik lagi ukiran kaligrafi dan unsur Arabes hampir tidak banyak ditemuka pada reruang dalaman masjid tradisional ini. Kesederhanaan dan pemilihan motif tertentu yang membawa keesaan Allah SWT dalam karya seni pada ‘Rumah Tuhan’ sangat dititik beratkan bagi para tukang pada waktu itu.

### **Masjid Kampung Tuan**

Masjid Kampung Tuan merupakan di antara masjid yang tertua di Malaysia yang didirikan pada awal kurun ke 19 Masehi. Masjid tersebut terletak di Kampung Tok Tuan, Bandar Chukai dalam daerah Kemaman iaitu diantara enam buah daerah dalam negeri Terengganu. Chukai dianggap sebagai pusat daerah Kemaman kerana lokasinya yang terletak di muara sungai Kemaman iaitu laluan utama pusat pengangkutan jalan air ke kawasan tersebut di suatu masa dahulu. Masjid tersebut tidak jauh dari sungai tersebut dan kini masih digunakan oleh masyarakat tempatan dalam menjalankan kegiatan ibadat, pengajaran ilmu agama Islam dan urusan kemasyarakatan.

<sup>7</sup> Tenas Affendy, (1985) *Lambang-lambang dalam Seni bangunan tradisional sebagai refleksi nilai budaya Melayu*, Seminar Kebudayaan Melayu. Tanjung Pinang

<sup>8</sup> Abdullah (2006) *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Selangor


<sup>9</sup> Mohd Anuar Ramli (2006) *Instrumen ‘Urf Dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa Di Malaysia* Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 17, 2006, h. 253-289

<sup>10</sup> Tenas Affendy (1985) *Lambang-lambang dalam Seni bangunan tradisional sebagai refleksi nilai budaya Melayu*, Seminar Kebudayaan Melayu. Tanjung Pinang


<sup>11</sup> Abdullah (2006) *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Selangor



Masjid Kampung Tuan, Kemaman. 1830



Pandangan Hadapan Masjid



Struktur Reruang Masjid Kampung Tuan

### Sejarah Dan Pembinaan <sup>12</sup>


Masjid Kampung Tuan dikatakan telah dibina pada tahun 1830 selari dengan pembukaan Kampung Tuan, Masjid tersebut terletak di dalam perkampungan nelayan dan berhadapan dengan Sungai Limbong iaitu merupakan laluan masuk utama ke kawasan tersebut. Struktur awal pembinaannya diasaskan oleh Sheikh Abdul Rahman yang dikenali sebagai Tuan Mandak iaitu seorang guru agama Islam dan pendidik. Beliau juga adalah anak kepada Sheikh Abdul Samad Al Palembangi iaitu seorang guru agama Islam terkenal di Nusantara (Dunia Melayu) yang berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu dan pernah menyertai perperangan di antara orang-orang Melayu Islam dan kaum Ta'ai. Walaupun anak beliau yang mendirikan Masjid Kampung Tuan tersebut tetapi cucu Sheikh Abdul Samadlah yang dikatakan telah menjadikan masjid tersebut terkenal ke seluruh Trengganu. Sheikh Abdul Samad yang juga digelar Tuan Wok oleh masyarakat tempatan merupakan seorang guru agama Islam yang berdedikasi dan pemimpin yang bertanggungjawab.

### Perancangan Dan Konsep Rekabentuk

Masjid Kampung Tuan merupakan sebuah pusat pengajaran sufi yang dikenali dengan ajaran tarikat Sheikh Saman atau Sheikh Walilullah Upacara zikir merupakan aktiviti yang sering kali dijalankan dalam masjid tersebut dan menjadi pusat tumpuan orang ramai. Masjid tersebut juga turut menjadi tempat mendirikan Sembahyang Jumaat dalam kawasan Chukai tetapi fungsinya kini diturunkan ke taraf surau selepas pembinaan sebuah masjid yang lebih moden dan besar di bandar Chukai pada tahun 1920. Populariti masjid tersebut berkurangan setelah Tuan Wok meninggalkan Baserah selepas berlakunya ketidaksefahaman diantara ahli keluarganya dan penduduk kampung. Namun begitu, masjid tersebut masih lagi berfungsi sebagai pusat pendidikan, aktiviti perkawinan dan ia juga menjadi simbol yang suci dan tempat perantaraan kerana ia dipercayai roh Tuan Wok masih lagi berada di dalam masjid tersebut.


<sup>12</sup> Masjid Langgar, Kota Bharu, Kelantan, Laporan yang tidak diterbitkan dari arkib KALAM, Universiti Teknologi Malaysia

Ahli sufi tersebut dipercaya memiliki kuasa mistik dan ghaib untuk memulihkan serta memberi rahmat. Oleh itu makam, rumah kediaman dan pusat pengajian mereka seringkali di kunjungi dengan tujuan untuk mendapatkan keberkatan atau *baraqah*.



### Elemen Rekabentuk Dan Rahan Binaan

Masjid tersebut terdiri daripada sebuah ruang sahaja yang dikelilingi oleh dinding dan kepingan kayu dan disusun secara menegak. Ia memiliki sebuah serambi masuk utama yang khusus bertentangan dengan mihrab. Masjid tersebut mempunyai empat tingkat bumbung dalam bentuk meru dan dilengkapi dengan *mastaka* berketinggian 2 meter pada puncaknya. Mustaka ini berbentuk buah buton yang seringkali terdapat pada masjid-masjid tradisi di Pantai Timur. Tinggi keseluruhan rupabentuk masjid dan bahagian bawah mustaka sehingga aras tanah adalah lebih kurang 9 meter. Jika diperhatikan kepada pembuatan setiap unsur binaannya, kelihatan permukaan kayunya tidak rata seolah-olah telah dibuat dengan menggunakan baci dan tidak diratakan dengan 'ketam' kayu. Papan lantainya juga berkeadaan tidak sama lebar dan mempunyai permukaan yang tidak rata terutama jika dilihat dari bahagian bawah. Berkemungkinan besar binaan masjid tersebut telah dilakukan semasa alat pertukangan 'ketam' masih belum digunakan oleh tukang pada masa tersebut sebagaimana pada Masjid Kampung Laut. Maklumat ini penting dan boleh membantu dalam pencarian tentang tarikh sebenar masjid tersebut dibangunkan.



Kaedah Pembinaan Masjid Kampung Tuan  
**Sumber : Ilyana Binti Sujak**

Masjid Kampung Tuan mempunyai ruang masuk rahsia bagi kaum wanita melalui papan lantai di bawah ruang sembahyang yang menjurus ke ruang sembahyang pada bahagian dalam yang dikelilingi oleh langsir. Keseluruhan struktur pembinaan masjid tersebut dibina dari kayu cengal dengan lantai berpanggung, tetapi yang paling menariknya ialah pada bahagian sistem rentangan bumbungnya.

Masjid tersebut tidak mempunyai tiang pada ruang dalamannya. Keseluruhan ruang dalamanya direntangi oleh empat lapis struktur bumbung yang dibina daripada alang dan tiang mudah yang diikat pada rasuk dan bertindak sebagai satu sistem kerangka kayu. Sistem strukturnya menampilkan suatu bentuk rintangan rekabentuk yang unik dan berbeza kerana pemakaian sistem gerbang gaya moden barat tersebut yang dilengkapi dengan sangga penyokong pepenjuru jarangkali terdapat pada struktur pembinaan tradisional Melayu. Rekabentuk sistem kekuda dengan tiang gantung (King post) yang dilakukan berulang kali dalam bentuk tiga dimensi telah membolehkannya

merentang sehingga lebih dan jarak 9 meter. Antara struktur pembinaannya yang menakjubkan ialah ianya didirikan tidak menggunakan sebarang paku dan hanya berdasarkan kepada sistem sambungan tradisional iaitu tanggam.

Masjid tersebut juga memiliki satu sifatnya yang menarik iaitu memiliki ruang mihrab yang melengkung yang diperbuat dan batang pokok yang berlekuk berkemungkinan dibina secara kaedah asli sama seperti konsep pembuatan perahu . Namun begitu jika diperhatikan secara lebih jitu, berkemungkinan struktur mihrab tersebut dibuat agak terkemudian dari tarikh asal binaannya kerana butiran binaannya yang kurang kemas dan tidak diintegrasikan dengan struktur asal masjid tersebut. Masjid tersebut tidak mempunyai ruang khusus untuk mengambil wuduk, mungkin disebabkan oleh lokasinya yang berdekatan dengan Sungai Limpong. Namun begitu terdapat sebuah pergi berhadapan dengan tangga serambi masuk ke masjid tersebut.

### Ruang Dalaman dan Kefahaman Reruangan

Masjid ini memiliki keunikan tersendiri bilamana ruang dalamnya tidak memiliki ‘tiang seri’. Tiang seri merupakan komponen penting yang seringkali hadir pada ruang dalaman masjid tradisi Melayu. Ketidak hadiran tiang seri ini (biasanya berjumlah empat) menjadikan masjid ini satu-satunya masjid yang menggunakan struktur rekabentuk sistem kekuda dengan tiang gantung (King post) yang dilakukan berulang kali dalam bentuk tiga dimensi telah membolehkannya merentang sehingga lebih dan jarak 9 meter. Menajubkan bila mana pada waktu itu (1830 ) pemikiran untuk tidak menghadirkan tiang pada ruang solat utama mula difikirkan. Implikasi kepada ketidak hadiran tiang ini membawa pengertian jelas kepada sejarah pembangunan kubah. Kubah dibangunkan pada asalnya untuk mengatasi masalah reruangan. Apabila pembinaan kuil Pantheon di Rome diusahakan, keperluan untuk mendapatkan reruangan yang luas menjadikan kubah dengan bukaan langit ‘oculus’ dibangunkan.

Pemikiran pada masjid Melayu Tradisi ini juga telah berusaha untuk tidak menempatkan tiang pada ruangan solat utamanya. Ketidak hadiran tiang menjadikan ruang dalaman masjid ini semakin luas. Selain itu tanpa ‘ganguan’ tiang seri ini jugak menjadikan setiap saf solat tidak terputus. Pemikiran untuk mendapatkan reruangan yang luas tanpa kehadiran tiang merupakan satu inovasi dalam kefahaman rekabentuk pada waktu itu.

Malangnya pemikiran ini tidak berkembang sealiran dengan pembangunan masjid dizaman berikutnya. Pembangunan masjid selepas itu tetap memperlihatkan kehadiran tiang seri ‘berempat’ pada semua ruang dalamannya. Malah lebih menarik lagi kesalah fahaman pembangunan kubah pada masjid-masjid selepas itu semakin ketara.

Pembangunan kubah sejak awalnya bertujuan untuk menyelesaikan masalah ruang dan mendapatkan keluasan ruang yang maksimum. Hari ini hal sebaliknya berlaku, kubah dibangunkan bukan berdasarkan kepada prinsip rintangan ruang. Kubah lebih diutamakan sebagai simbol berbanding fungsi awal kubah sebagai rintangan beban kepada reruangan dalaman.




Di Indonesia sebuah kelompok arkitek menggelarkan aliran mereka sebagai ‘Anti Tiang’. Kelompok ini berkembang pada sekitar tahun 1960-an, dipelopori oleh Achmed Noe’man seorang ‘Bapa Arsitek Masjid’<sup>13</sup>, di Indonesia. Kelompok ini dalam setiap rekabentuk mereka sangat mempertimbangkan kehadiran tiang pada ruang dalaman. Masjid masjid yang direkabentuk sering kali menafikan kehadiran tiang pada ruang dalaman mereka. Hal ini dapat dilihat pada rekabentuk Masjid Salam, ITB (1972). Menarik lagi masjid ini juga tidak memiliki kubah,

*Dalam pertemuan itu, Presiden Soekarno bertanya, mengapa Masjid Salman tidak berkubah. Waktu itu Noe'man menjawab dengan logika Soekarno, bahwa dalam Islam yang penting adalah "api" nya. Asalkan itu masjid maka sah-sah saja walaupun tidak berkubah. Noe'man juga menuturkan bahwa salah satu prinsip yang dipegangnya adalah ijithad, yakni melakukan terobosan berdasarkan ilmu, tanpa imitasi dan meniru-niru. "Kalaupun salah, ijithad itu kan tetap dapat pahala satu," tutur Noe'man menjelaskan. Ijithad Noe'man itu disetujui juga oleh Soekarno dan seluruh panitia, sehingga jadilah Masjid Salman, satu masjid yang berdiri megah tanpa kubah di atasnya<sup>14</sup>.*

Selain itu Achmed Noe’man juga menjelaskan,

*"Setiap bangunan masjid yang saya rancang tidak ada tiang di dalamnya yang dapat memotong shaf. Contohnya di Masjid Salman. Atau yang terbaru di Islamic Center Jakarta, Kramat Tunggak. Walaupun lebarnya sampai 50 m, saya merancangnya tanpa tiang di tengahnya."*

Pemikiran dan falsafah ini kemudiannya berkembang serta menjadi rujukan kepada pembangunan masjid selepas itu. Seni bina Masjid Raya Pondok Indah Jakarta juga memperlihatkan falsafah dan pemikiran ini. Masjid yang dibangunkan pada tahun 1992 ini mampu menampung 2600 jemaah dalam satu-satu masa. Pembangunan Masjid Said Naum, Jakarta juga merupakan nafas baru dalam bentuk tradisi sambil meningkatkan mutu rekabentuk masjid. Pemenang Anugerah Aga Khan pada tahun 1986 ini memperlihatkan kesederhanaan pada ruang dalaman dengan mengekalkan rupa bentuk masjid tradisi Nusantara. Kefahaman arkitek dalam memahami skala dan kadaran bangunan menjadikan ruang dalaman masjid ini sangat harmoni.



<sup>13</sup> Beliau mendapat gelaran ‘Bapa Arsitektur Masjid’ atas sumbangan beliau dalam pembagunan masjid seperti Masjid Salman ITB, Masjid Amir Hamzah di Taman Ismail Marzuki, Masjid at-Tin Jakarta, Masjid Islamic Center Jakarta, Masjid Soeharto di Bosnia dan Masjid Syekh Yusuf di Cape Town, Afrika Selatan.

<sup>14</sup> Ir. Achmad Noe'man: Sang Arsitek Pejuang  
[http://insistnet.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=91:ir-achmad-noeman-sang-arsitek-pejuang&catid=16:sosok&Itemid=14](http://insistnet.com/index.php?option=com_content&view=article&id=91:ir-achmad-noeman-sang-arsitek-pejuang&catid=16:sosok&Itemid=14)



Masjid Raya Pondok Indah, Jakarta

## KESIMPULAN

Cendikiawan tempatan dan tukang telah melahirkan satu pemikiran yang besar dalam pembangunan masjid tradisi pada tahun 1830. Rekabentuk Masjid Kampung Tuan, Kemaman memperlihatkan kebijaksaan luar biasa serta kefahaman dalam mentakrifkan ruang untuk tujuan solat. Kekangan teknologi tidak menjadi faktor penghalang dalam melaksanakan tuntutan agama. Pemikiran untuk mendapatkan rintangan ruang yang luas tanpa menghadirkan tiang, merupakan kebijaksanaan pemikiran tukang terdahulu. Penyelesaian struktur rekabentuk sistem bekuda dengan tiang gantung (*King post*) yang dilakukan berulang kali dalam bentuk tiga dimensi telah membolehkannya merentang dengan sangat luas. Menyediakan hari ini, apabila pemikiran ini tidak dikembangkan pada pembangunan masjid-masjid selepas itu. Pemikiran menghadirkan tiang-tiang pada reruang dalaman menjadi satu keperluan. Lebih parah lagi, bilamana para perekabentuk dan arkitek berlumba-lumba menghadirkan kubah pada seni bina masjid. Kehadiran kubah ‘raksasa’ tanpa memahami prinsip struktur beban menjadikan tiang-tiang dihadirkan bagi ‘meraikan’ kubah-kubah ini. Ruang dalaman masjid-masjid hari ini penuh dengan tiang-tiang menjadikan saf solat terganggu dan menghalang pandangan maknum ketika khutbah dan menunaikan solat. Pengajaran dan kefahaman tradisi seni bina dan sejarah merupakan elemen penting dalam pendidikan.. Sebagai mana yang diungkapkan oleh Pramoeda Ananta Toer

*“Kalu orang tidak tahu sejarah, ia tidak akan faham masa kini, apalagi masa depan. Semua kesalahan yang kita lakukan selama ini terjadi kerana kita tidak tahu sejarah.”*

Kefahaman ini telah lahir lebih awal di Semenanjung Malaysia, tetapi tidak di manfaatkan oleh para pereka dan arkitek tanah air. Malah pemikiran ini kemudiannya berkembang di Indonesia pada sekitar awal tahun 1960. Hanya pada tahun 2000 barulah kedengaran pemikiran ‘kesederhanaan’ dalam pembangunan masjid yang dipelopori oleh Tajuddin Rasdi. Para perekta harus memahami serta berijtihad dalam pembangunan sesebuah ruang dalaman agar rekabentuk yang dihasilkan memenuhi keperluan masyarakat. Pembangunan sesebuah ruangan perlulah melihat kepada kefungsian reruang tersebut dan tidak hanya terbatas kepada keperluan simbol semata-mata. Unsur arabes yang ‘ditampal’ secara melulu dan keterlaluan didalam masjid-masjid moden hari ini dilihat sebagai berlebihan.

Kesederhanaan yang hadir pada rekabentuk masjid tradisi seharusnya dimanfaatkan oleh para perekabentuk dan dijadikan iktibar. Walaupun Alam Melayu sangat kaya dengan kemahiran pelbagai pertukangan kayu dan ukiran tetapi masjid-masjid tradisi hampir tidak ditemukan unsur ukiran pada reruang dalaman kecuali pada bahagian mimbar. Keistimewaan dan kemahiran pada mimbar masjid ini, tidak diaplikasikan sepenuhnya pada reruang masjid tradisi. Ruang dalaman masjid tradisi hadir dengan rekabentuk yang cukup sederhana. Bahagian mihrab dilihat amat harmoni dengan sedikit sentuhan motif pada bahagian gunungan. Kesederhanaan dalam pemilihan ukiran merupakan kebijaksanaan cendikiawan tempatan dalam menapis dan memilih antara sebuah keperluan ruang atau

sekadar hiasan . Hiasan yang berlebihan pada ruang dalaman dikhuatiri akan menganggu kekhusukan jemaah ketika menunaikan solat. Kedudukan pola hiasan dan ornamentasi pada masjid moden hari ini kadang kala dilihat keterlaluan serta berlebihan sehingga duduk letak motif yang dihasilkan kelihatan canggung dan tidak bermakna. Cendikiawan tempatan telah berjaya menguruskan ruang dalaman masjid tradisi secara halus, terpuji dan sangat berhati-hati.

## RUJUKAN

- Azizul Azli Ahmad (2010), *Masjid Budaya dan Seni Bina*, Shah Alam, UPENA
- Aziz Deraman (1976). *Masyarakat dan kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
- Abdullah (2006) *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Selangor
- Ir. Achmad Noe'man: Sang Arsitek Pejuang  
[http://insistnet.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=91:ir-achmad-noeman-sang-arsitek-pejuang&catid=16:sosok&Itemid=14](http://insistnet.com/index.php?option=com_content&view=article&id=91:ir-achmad-noeman-sang-arsitek-pejuang&catid=16:sosok&Itemid=14)
- Ilyana Binti Sujak , Mosque construction : Differences between the traditional and modern Malaysian Mosques, 2012 International Conference on Innovation and Technology for Sustainable Built Environment (ICITSBE 2012) 16 – 17 April 2012, Perak, MALAYSIA
- Masjid Langgar, Kota Bharu, Kelantan, Laporan yang tidak diterbitkan dari arkib KALAM, Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Anuar Ramli (2006) *Instrumen 'Urf Dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa Di Malaysia* Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 17, 2006,
- S.Takdir (1976) *Islam dan Kebudayaan Melayu*, Kertas-kertas kerja seminar Kebudayaan 25-28 Julai, 1976. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Malaysia
- Tenas Affendy, (1985) *Lambang-lambang dalam Seni bangunan tradisional sebagai refleksi nilai budaya Melayu*, Seminar Kebudayaan Melayu. Tanjung Pinang
- Tenas Affendy (1985) *Lambang-lambang dalam Seni bangunan tradisional sebagai refleksi nilai budaya Melayu*, Seminar Kebudayaan Melayu. Tanjung Pinang